

Peranan dan Matlamat PIDM

Melindungi Kestabilan dan Kepercayaan

PIDM ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta PIDM.¹ PIDM diberi mandat untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan mengekalkan kepercayaan serta keyakinan awam terhadap sistem kewangan Malaysia menerusi peranan kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli.



1 Melindungi pendeposit dan pemilik sijil takaful dan polisi insurans²

PIDM melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans sekiranya sesebuah institusi ahli mengalami kegagalan. Perlindungan disediakan secara automatik dan tiada bayaran dikenakan untuk deposit yang layak sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli, serta manfaat takaful dan insurans yang layak sehingga RM500,000 bagi setiap pemilik polisi di setiap ahli penginsurans. Had ini melindungi sepenuhnya sekurang-kurangnya 96%³ daripada pendeposit dan pemilik polisi. PIDM menyemak semula had dan skop perlindungan secara berkala, selaras dengan amalan terbaik.

Perlindungan PIDM memberikan ketenangan fikiran dengan memastikan pendeposit dan pemilik polisi mempunyai akses berterusan kepada simpanan dan manfaat takaful dan insurans yang layak sekiranya sesebuah institusi ahli mengalami kegagalan. Perlindungan ini memupuk keyakinan awam dan menggalakkan pendeposit dan pemilik polisi untuk mengekalkan deposit, sijil takaful dan polisi insurans mereka dengan institusi ahli, walaupun dalam keadaan tidak menentu. Secara keseluruhannya, sistem asas pendanaan yang kukuh menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara dan memperkukuh peranan sektor kewangan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia.




Sumber: PIDM

¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (sebagaimana dipinda oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011)

² Secara kolektif dikenali sebagai pemilik polisi

³ Rujuk gambar rajah perlindungan PIDM bagi pendeposit dan pemilik polisi untuk maklumat lanjut


Perlindungan PIDM bagi Pemilik Polisi



Sumber: PIDM

2 Mewujudkan kesedaran dan memperkukuh keyakinan dalam kalangan konsumen kewangan

Sejak penubuhan PIDM, kami telah menumpukan kepada membina kesedaran dan pemahaman awam tentang peranan kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan. Sepanjang tiga tahun yang lalu, kami telah mencapai tahap kesedaran awam sekurang-kurangnya 75%. Sejak tahun 2018, kami juga telah meningkatkan pelibatan kami untuk mendidik institusi ahli kami dan orang ramai tentang peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi.



Kempen pendidikan awam PIDM, pendedahan oleh institusi ahli tentang perlindungan⁴ PIDM dan sesi pelibatan mengenai peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi secara kolektif memainkan peranan penting dalam memperkukuh kepercayaan dan keyakinan terhadap kredibiliti PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan pihak berkuasa resolusi dalam sistem kewangan. Semakin tinggi pengetahuan dan kesedaran awam terhadap perlindungan PIDM dan peranan kami dalam menggalakkan kestabilan sistem kewangan, semakin rendah kemungkinan berlakunya panik, pengeluaran wang besar-besaran atau pembatalan polisi secara serentak ketika berlakunya krisis kewangan.

⁴ Garis Panduan Penyediaan Maklumat Insurans Deposit untuk bank ahli dan Garis Panduan Penyediaan Maklumat Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans untuk ahli penginsurans

Daripada Kesedaran kepada Jaminan

Membina kesedaran hanyalah langkah pertama, dan impaknya akan diukur menerusi sama ada pemahaman tentang peranan PIDM dapat diterjemahkan kepada keyakinan dan jaminan. Penemuan terbaru daripada tinjauan kesedaran awam kami menunjukkan bahawa perkaitan ini terus meningkat.

Pada tahun 2025, responden yang mengetahui tentang PIDM melaporkan tahap keyakinan yang lebih tinggi terhadap keupayaan kami untuk membuat pembayaran segera sekiranya berlaku kegagalan bank, dengan skor purata 8.07 pada skala 1 hingga 10.⁵ Ini merupakan peningkatan daripada 7.80 pada tahun 2024 dan mencerminkan betapa pentingnya kesedaran dalam mentransformasikan perlindungan berkanun kepada keyakinan awam.

Kesan keyakinan ini juga ketara dalam segmen takaful dan insurans. Seramai 79% responden pada tahun 2025 menyatakan bahawa mereka akan membeli produk takaful atau insurans selepas mengetahui bahawa manfaatnya dilindungi oleh PIDM, peningkatan sebanyak 3% daripada tahun 2024. Ini menunjukkan bahawa kesedaran tentang rangka kerja perlindungan PIDM bukan sahaja memberi maklumat, tetapi juga dapat memberi jaminan, sekali gus meyakinkan lagi keputusan kewangan telah diberi pertimbangan sewajarnya.

Secara keseluruhannya, penunjuk ini memberikan gambaran tentang bagaimana kesedaran berkembang menjadi jaminan. Apabila konsumer kewangan memahami dengan lebih jelas rangka kerja perlindungan dan peranan resolusi PIDM, keyakinan menjadi semakin kukuh, ketidaktentuan akan berkurangan dan kemungkinan tindak balas yang didorong oleh panik semakin melenyap. Ini menunjukkan kepentingan pelibatan yang berterusan, komunikasi jelas dan pendidikan yang konsisten sebagai elemen penting dalam usaha PIDM untuk menyokong keyakinan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

3 Memberi insentif kepada institusi ahli untuk kekal selamat, kukuh dan boleh diselesaikan

PIDM memberi insentif kepada pengurusan risiko institusi ahli yang wajar dengan mentadbir rangka kerja untuk premium dan levi, iaitu rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk bank ahli, serta rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk syarikat insurans dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful (secara kolektif dikenali sebagai Sistem Levi Berbeza).

Premium dan levi dinilai setiap tahun, membolehkan institusi ahli menyumbang berasaskan *ex-ante*⁶ supaya pendanaan tersedia sekiranya institusi ahli memasuki fasa resolusi. Bayaran ditentukan berdasarkan profil risiko setiap institusi ahli. Dengan memupuk budaya bertanggungjawab merentasi sektor kewangan, PIDM memberi insentif terhadap pengurusan risiko yang wajar di peringkat institusi dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan.

Selaras dengan perubahan persekitaran operasi dan landskap pengawalseliaan, PIDM telah memperkukuh rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi menyediakan insentif yang lebih efektif untuk tindakan resolusi yang teratur bagi institusi ahli dengan menggabungkan elemen kebolehsesediaan.⁷ Penambahbaikan ini telah dilaksanakan dalam Tahun Taksiran 2025 untuk bank ahli dan akan dilaksanakan dalam Tahun Taksiran 2026 bagi ahli penginsurans. Secara keseluruhannya, rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza yang baharu bertujuan untuk memperkukuh daya tahan dan kestabilan sistem kewangan.

Pengukuhan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza dan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza

A

Pembezaan Risiko

Kriteria Keselamatan dan Kekukuhan



Mempertimbangkan keselamatan dan kekukuhan dengan memanfaatkan penilaian penyeliaan Bank Negara Malaysia



Mengiktiraf langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menangani kelemahan dalam amalan pengurusan risiko dan isu-isu penyeliaan lain



Mengurangkan duplikasi dalam rangka kerja penilaian

B

Mekanisme Insentif Berasaskan Resolusi

Kriteria / Komponen Bertumpukan Resolusi



Memberi insentif dengan mengambil kira kebolehsesediaan



Menyediakan insentif untuk mengurangkan halangan bagi melaksanakan resolusi

Diselaraskan dengan keperluan perancangan resolusi

Menumpukan kepada menambah baik kebolehsesediaan industri bagi ahli penginsurans dengan menyediakan deduktibel untuk perbelanjaan layak yang ditanggung ke atas platform data diterajui industri yang memastikan ketersediaan data ketika resolusi

⁵ Di mana 10 bermaksud responden sangat yakin pembayaran akan dibuat dengan segera dan 1 bermaksud responden tidak yakin bahawa pembayaran itu akan dibuat dengan segera

⁶ Premium dan levi dinilai dan diterima daripada institusi ahli semasa urusan perniagaan berjalan seperti biasa dan bukannya selepas kegagalan

⁷ Rujuk gambar rajah Pengukuhan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza dan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza untuk maklumat lanjut

4 Memastikan institusi ahli yang tidak berdaya maju boleh diselesaikan dengan efektif

Sebagai pihak berkuasa resolusi, peranan PIDM adalah untuk menyelesaikan institusi ahli yang tidak berdaya maju dengan segera dan efektif, yang akan membantu meminimumkan gangguan kepada konsumer kewangan, memelihara kestabilan sistem kewangan dan mengelakkan potensi krisis ekonomi yang lebih besar. Dengan ini, hasil strategik kami adalah untuk berada dalam keadaan bersedia.

Bagi kesediaan PIDM, kami mempunyai rangka kerja resolusi yang mantap terdiri daripada polisi, infrastruktur dan keupayaan operasi bagi membolehkan PIDM melaksanakan resolusi dengan cepat dan teratur. Sistem pembayaran balik bersepadu juga merupakan sebahagian daripada rangka kerja ini, yang bertujuan membolehkan pembayaran balik tepat pada masanya supaya pendeposit mempunyai akses berterusan kepada simpanan mereka sekiranya berlaku kegagalan dan penutupan bank.

Bagi kesediaan industri, perancangan resolusi untuk bank ahli PIDM merupakan komponen utama bagi memastikan bank ahli dapat menyokong PIDM dalam pelaksanaan resolusi.⁸ Perancangan resolusi melibatkan kerjasama rapat PIDM dengan bank ahli untuk memahami dengan mendalam fungsi penting dan hubungan kait mereka dengan sistem kewangan. Secara kerjasama, sebarang halangan yang merumitkan proses resolusi akan dikenal pasti dan ditangani, termasuk membina keupayaan yang diperlukan (kewangan, operasi dan perundangan) bagi membolehkan bank ahli menyokong PIDM dengan efektif ketika resolusi.

Kebolehelesaian merupakan satu usaha berterusan. Halangan, terutamanya dari aspek struktur memerlukan komitmen masa dan sumber untuk menanganinya, manakala pembinaan sistem serta keupayaan yang diperlukan memerlukan pelaburan dan usaha yang berterusan. Bagaimanapun, manfaatnya dijangka melebihi kos memandangkan bank ahli yang boleh diselesaikan lebih bersedia dalam menghadapi krisis dan berdaya tahan dengan sendiri, sekali gus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan keyakinan awam. Bagi memudahkan dan membimbing proses penilaian kebolehelesaian, PIDM akan menerbitkan Rangka Kerja Penilaian Kebolehelesaian pada tahun 2026 untuk menetapkan keperluan kebolehelesaian.

3 Peringkat Perancangan Resolusi

Peringkat

1

Memahami hubungan kait antara bank ahli dan sistem kewangan

PIDM akan bekerjasama dengan bank ahli untuk mengenal pasti, antara lain, fungsi atau perkhidmatan penting yang ditawarkan oleh bank ahli, serta kebergantungannya, termasuk perkara-perkara yang penting bagi operasinya. Pemahaman ini dapat membantu PIDM dalam menentukan cara terbaik untuk menguruskan kegagalan bank ahli dengan pantas dan efektif.

Peringkat

2

Mengenal pasti jurang, memperkukuh ketahanan operasi, dan memastikan pelan resolusi dapat dilaksanakan

PIDM akan mengenal pasti dan menangani kelemahan yang boleh menjejaskan pelaksanaan resolusi yang efektif. Berpandukan kepada jangkaan yang digariskan, bank ahli dengan kerjasama PIDM akan mengenal pasti jurang kebolehelesaian. Bagi menangani halangan, bank ahli boleh menyediakan langkah-langkah dan keupayaan untuk mengurangkan potensi risiko bagi memastikan pelan resolusi dapat dilaksanakan.

Peringkat

3

Memastikan kesediaan dengan menguji dan menambah baik pelan resolusi secara berterusan

PIDM bersama-sama bank ahli akan memastikan pelan resolusi boleh dilaksanakan dengan menguji dan menambah baik pelan secara berterusan.

Bagi ahli penginsurans, PIDM telah pun mewujudkan kesediaan dalaman untuk melaksanakan tindakan intervensi dan resolusi kegagalan dengan tumpuan dalam memastikan kesinambungan perlindungan di bawah sijil takaful dan polisi insurans. Langkah seterusnya adalah untuk meningkatkan lagi keupayaan kami dalam memastikan kebolehelesaian ahli penginsurans.

⁸ Garis Panduan Perancangan Resolusi telah diterbitkan untuk bank ahli pada 8 September 2023. Perancangan resolusi untuk ahli penginsurans akan dipertimbangkan dan dibangunkan kemudian

APA ERTI KEBOLEHSELESAIAN: KEKAL TEGUH WALAUPUN DILANDA KRISIS

Ibarat Bekalan Elektrik Terputus

Dalam masyarakat moden, infrastruktur tertentu menjadi amat penting di mana gangguan seketika pun boleh menghentikan kehidupan seharian dan aktiviti ekonomi, antaranya bekalan elektrik. Elektrik membekalkan kuasa kepada rumah dan perniagaan serta menyokong perkhidmatan digital yang membentuk tulang belakang fungsi rutin kita. Tahap pergantungan terhadap bekalan elektrik yang stabil dan tidak terganggu mencerminkan peranannya sebagai tonggak penting dalam kehidupan seharian.

Inilah sebabnya mengapa kebolehsesediaan itu penting. Ia memastikan bahawa walaupun sesebuah institusi gagal, fungsi penting akan terus beroperasi seperti biasa, kestabilan sistem kewangan terpelihara dan keyakinan awam kekal utuh. Secara praktikal, kebolehsesediaan sesebuah bank dicapai apabila kegagalannya boleh diurus secara teratur. Pelanggan kekal dilindungi, perniagaan terus membayar kakitangan dan keseluruhan sistem perbankan kekal stabil manakala kos resolusi tidak ditanggung oleh dana awam, sebaliknya dibiayai terlebih dahulu oleh pemegang saham dan pemiutang institusi yang gagal.

Pencapaian ini bergantung kepada pelan yang jelas dan boleh dilaksanakan, akses kepada data yang tepat pada masanya dan kakitangan terlatih yang bersedia untuk bertindak apabila keadaan memerlukan.

Keyakinan Asas Kestabilan Sistem Kewangan

Tanpa keyakinan, ketidakpastian boleh mencetuskan panik, yang seterusnya membawa kepada pengeluaran wang deposit dengan segera, tekanan kecairan dan penularan kepada institusi lain yang sihat. Menyedari perkara ini, Malaysia memperkenalkan Perancangan Pemulihan dan Resolusi pada tahun 2016 melalui inisiatif bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan PIDM. PIDM menyelia komponen Perancangan Resolusi, dengan memberi tumpuan kepada strategi yang memelihara fungsi kritikal sambil meminimumkan impak sistemik. Ini termasuk mewujudkan Rangka Kerja Penilaian Kebolehsesediaan bagi menilai kesediaan institusi ahli untuk tindakan resolusi dan mengenal pasti aspek untuk penambahbaikan.

Umumnya, Perancangan Resolusi dan Rangka Kerja Penilaian Kebolehsesediaan berlandaskan kepada beberapa prinsip utama termasuk:

- **Kesinambungan fungsi-fungsi kritikal** – Pihak berkuasa perlu mampu menstabilkan dan memastikan kesinambungan perkhidmatan penting seperti pembayaran dan pengeluaran tunai.
- **Kebolehpindahan pantas komponen berdaya maju** – Akaun pelanggan dan operasi utama hendaklah mudah dipindah milik kepada institusi yang mengambil alih atau institusi perantara yang kukuh.
- **Pengurusan keyakinan** – Melalui komunikasi yang jelas, konsisten dan kesinambungan operasi.
- **Mekanisme serapan kerugian yang berkredibiliti** – Sebelum sebarang dana awam boleh digunakan, pemegang saham dan pemiutang mesti menanggung kerugian terlebih dahulu.

Rangka Kerja Kebolehsesediaan Dibangun Lebih Awal, Bukan Dirangka Semasa Krisis

PIDM sebagai penginsurans deposit dan pihak berkuasa resolusi Malaysia, bekerjasama dengan institusi ahli untuk membangunkan Pelan Resolusi yang mantap melalui rangka kerja berstruktur. Rangka kerja ini menentukan bagaimana masalah sesebuah institusi boleh diselesaikan dengan cara yang boleh dilaksanakan dan dipercayai.

Penilaian kebolehsesediaan merupakan komponen utama perancangan resolusi, yang digunakan untuk menilai sama ada sesebuah bank boleh diselesaikan secara efektif ketika menghadapi tekanan. Sekiranya terdapat jurang, pelan pemulihan dilaksanakan untuk menangani halangan struktur atau operasi. Dari semasa ke semasa, komponen penilaian kebolehsesediaan akan diperhalusi, didokumenkan dan diuji untuk memastikan pelaksanaan dapat dilakukan tanpa berlengah.

Menguji Sistem Sebelum Berlaku Kegagalan Institusi



PIDM menilai kebolehselesaian menerusi dua dimensi:

Kebolehpisahan – Sama ada komponen-komponen berdaya maju dalam sesebuah institusi boleh dipakejkan sebagai sebahagian daripada penjualan. Pendekatan penyelesaian yang diutamakan oleh PIDM adalah dengan menjual atau memindahkan bank yang bermasalah kepada pembeli yang kukuh. Bank yang lebih kecil boleh dijual dalam keadaan sedia adanya manakala bank yang lebih besar dan lebih kompleks mungkin perlu dileraikan bagi memastikan penjualan dapat dilakukan dengan cepat dan efisien.

Keupayaan – Kesediaan sesebuah institusi untuk mengekalkan fungsi utamanya sambil menyokong tindakan PIDM semasa sesuatu resolusi dilaksanakan. Kesiapan ini diukur berdasarkan enam jangkaan utama:

1. **Kesinambungan Operasi** – perancangan untuk memastikan perkhidmatan operasi dapat diteruskan.
2. **Data dan Sistem Maklumat Pengurusan** – data yang boleh dipercayai dan tepat pada masa untuk memaklumkan keputusan.
3. **Kecairan** – keupayaan untuk mengukur keperluan kecairan dan cagaran yang tersedia untuk pendanaan.
4. **Akses kepada Infrastruktur Pasaran Kewangan** – terlibat secara berterusan dalam sistem penjelasan, penyelesaian dan pembayaran.
5. **Komunikasi** – penghantaran maklumat yang jelas dan konsisten untuk mengelak panik dan mengekalkan keyakinan.
6. **Kekhususan Kewangan Islam** – memastikan pematuhan berterusan terhadap prinsip Syariah walaupun ketika krisis.

Kedua-dua penilaian ini dilaksanakan seiringan untuk memaklumkan kepada PIDM tentang kesiapan bank dan mengetengahkan aspek yang perlu diperkukuh bagi menyokong resolusi yang efektif. Proses ini dilakukan secara berperingkat dan berulang, dengan input daripada PIDM dan institusi ahli untuk mengenal pasti jurang, membangunkan pelan penambahbaikan dan melaksanakannya dari semasa ke semasa. Akhir sekali, bank perlu memastikan pelan dan keupayaan yang dibangunkan ini sedia beroperasi dengan melaksanakan ujian berkala bagi memastikan ia berfungsi ketika menghadapi tekanan serius.

Memastikan Perkhidmatan Utama Terus Berfungsi Tanpa Gangguan

Kebolehselesaian tidak menghapuskan risiko. Sebaliknya, ia menyediakan mekanisme berstruktur untuk menyerap kejutan kewangan dan mengelak daripada operasi terganggu. Sama seperti sistem infrastruktur berdaya tahan direka bentuk untuk mengasingkan gangguan dan memastikan perkhidmatan penting terus berjalan seperti biasa, keupayaan kebolehselesaian membolehkan sistem kewangan Malaysia menangani tekanan, mengekalkan kesinambungan dan meningkatkan keyakinan, walaupun ketika dalam keadaan yang mencabar. Melalui sistem perlindungan yang lebih kukuh, pelan resolusi yang jelas dan persediaan berterusan, jaring keselamatan kewangan Malaysia bersedia untuk bertindak balas dengan pantas apabila bank menjadi goyah, memelihara kestabilan dan keyakinan awam.

Bagi meningkatkan kerjasama kami dengan institusi ahli mengenai perancangan resolusi dan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan kesediaan industri, PIDM menganjurkan Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) yang berfungsi sebagai platform khusus untuk peserta industri dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan untuk bertukar-tukar pandangan dan terlibat dalam perbincangan yang bermakna berkenaan perancangan resolusi. Sehingga kini, kami telah mengadakan tiga edisi NRS, dengan yang terkini, NRS 2025, bertemakan “Precaution Over Reaction: Harvesting Readiness in an Uncertain World”.

Mengukuhkan Kesediaan Sistemik menerusi Simposium Resolusi Kebangsaan

Simposium Resolusi Kebangsaan atau NRS adalah platform utama PIDM untuk mengadakan dialog mengenai resolusi dan kesediaan krisis. Sejak 2023, PIDM telah menghimpunkan pihak berkuasa resolusi, pengawal selia, institusi kewangan dan pakar industri untuk bertukar-tukar perspektif mengenai risiko yang berkembang, pembangunan polisi dan strategi dinamik untuk mengukuhkan daya tahan sistem.



NRS 2025 terus meraih perhatian di bawah tema “Precaution Over Reaction: Harvesting Readiness in an Uncertain World”. Simposium itu berfungsi sebagai inkubator bagi dialog mengenai polisi dan pertukaran teknikal. Pengenalan Makmal Simulasi PIDM turut memberikan para peserta pendedahan secara praktikal terhadap pelbagai instrumen resolusi serta penilaian keputusan yang kompleks. Pelibatan ini membantu meningkatkan lagi pemahaman mengenai pelaksanaan resolusi dan mengukuhkan asas kerjasama bagi pelibatan yang berterusan mengenai kesediaan krisis dan kebolehsesediaan.

NRS 2025 menarik minat yang tinggi, terutamanya daripada ahli lembaga pengarah dan eksekutif kanan institusi ahli



NRS 2025 dihadiri 540 peserta, termasuk 108 ahli lembaga pengarah dan eksekutif kanan institusi ahli, di samping wakil daripada kementerian, bank pusat, institusi kewangan dan pihak berkuasa resolusi seluruh Asia.



NRS 2025 menampilkan reruai interaktif yang menterjemahkan perbincangan polisi kepada pengalaman praktikal



Makmal Simulasi PIDM menyediakan pendedahan praktikal kepada 90 orang peserta mengenai pelaksanaan resolusi.



Reruai ASEAN mempamerkan kemajuan serantau dalam mengukuhkan rangka kerja insurans deposit dan resolusi.

PIDM juga menganjurkan Muzakarah Resolusi Kegagalan Institusi Kewangan Islam untuk membincangkan isu-isu khusus berkaitan resolusi kegagalan institusi perbankan Islam. Dalam hal ini, PIDM terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) dan pakar Syariah dalam industri kewangan Islam bagi memastikan pematuan Syariah dan meningkatkan kesediaan kami dalam resolusi institusi ahli perbankan Islam yang berdepan kegagalan. Pada tahun 2025, kertas penyelidikan mengenai resolusi akaun pelaburan telah disiapkan, disusuli dengan sesi pelibatan bersama pakar Syariah industri kewangan.

MENANGANI ISU-ISU SYARIAH DALAM RESOLUSI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM

Muzakarah, atau wacana intelektual, dianjurkan oleh PIDM sebagai platform untuk membincangkan isu-isu berkaitan Syariah dalam menyelesaikan institusi kewangan Islam yang mengalami kegagalan. Ia bertujuan untuk menyokong PIDM dalam memastikan strategi resolusi dan pelaksanaannya kekal berlandaskan Syariah, di samping mengekalkan kestabilan sistem kewangan serta keyakinan awam terhadap sistem kewangan Islam.

Objektif

Memberikan pemahaman menyeluruh kepada peserta mengenai proses resolusi institusi kewangan Islam yang gagal.

Membincangkan potensi isu-isu Syariah dan mencadangkan penyelesaian praktikal. Ini amat penting kerana resolusi institusi kewangan Islam memerlukan pertimbangan yang unik, memandangkan operasi mereka ditadbir berdasarkan konsep dan prinsip Syariah.



2024

Mekanisme Pemindahan bagi Perniagaan, Aset dan Liabiliti Institusi Perbankan Islam

Resolusi sesebuah institusi perbankan Islam diteliti daripada perspektif Syariah, berasaskan *darurah* (keperluan) dengan penekanan ke atas mekanisme pemindahan.

Pemindahan penuh menimbulkan isu seperti tawaran dan penerimaan, percampuran aset yang dibenarkan dan tidak dibenarkan, pengendalian akaun pelaburan, penjualan paksa (*bai' al-mukrah*), penilaian saksama dan pengendalian item di dalam dan luar lembaran imbalan.

Pemindahan sebahagian memerlukan penyelarasan Syariah yang lebih teliti, yang mana pemindahan aset sahaja boleh melibatkan kontrak seperti *musawamah*, *wadi'ah*, *muzayadah*, atau *munaqosah*, manakala pemindahan aset dan liabiliti boleh menggunakan penjualan langsung, penjualan atau pemindahan hutang, hadiah atau *tawarruq*. Kajian lanjut disyorkan mengenai isu-isu seperti penjualan secara paksa (*bai' al-mudtar*), gabungan kontrak dan pemindahan perniagaan perbankan Islam di bank konvensional.

2025

Resolusi Akaun Pelaburan

Resolusi akaun pelaburan semasa kegagalan institusi perbankan Islam dikaji dengan memberi tumpuan kepada keperluan kontrak, persetujuan dan perbezaan struktur antara akaun tanpa had dan akaun terhad.

Perbincangan menyentuh mengenai penyelarasan mandat, dokumentasi dan penyusunan semula. Ciri kontrak Syariah asas juga dikaji, mengetengahkan bagaimana tanggungjawab *mudarib* atau wakil berbeza daripada liabiliti dan jaminan.

Perbincangan turut merangkumi mekanisme pemindahan di bawah senario biasa dan resolusi, termasuk penamatan, letak hak, pengecualian, pembubaran dan tanggungjawab pelaburan. Cadangan utama termasuk menjelaskan klasifikasi *fiqh* bagi akaun pelaburan, membezakan kendalian bagi akaun tanpa had dan akaun terhad, memperkukuh dokumentasi perundangan, dan memastikan kesesuaian institusi yang mengambil alih.

Menerusi penganjuran Muzakarah, PIDM **memperkukuh perbincangan mengenai resolusi institusi perbankan Islam** dengan memperkenalkan penyelesaian praktikal dan mengenal pasti isu utama bagi memastikan pengurusan kegagalan dapat dilaksanakan dengan efektif.

Melangkah ke Hadapan: Mengukuhkan Kesediaan Resolusi Berlandaskan Syariah

Berdasarkan dua siri Muzakarah tersebut, PIDM akan menterjemahkan hasil perbincangan kepada penambahbaikan tindakan merentasi polisi, operasi dan pelibatan pihak berkepentingan. Tumpuannya adalah untuk memastikan strategi resolusi kekal berlandaskan Syariah di samping melindungi kestabilan sistem kewangan dan keyakinan pendeposit.

5 Mengukuhkan kesediaan mendepani krisis

Bagi memastikan kesediaan organisasi yang kukuh dalam menghadapi krisis, PIDM melaksanakan latihan simulasi krisis dalaman yang melibatkan Lembaga Pengarah, Pengurusan, kakitangan dan penyedia perkhidmatan utama kami. Latihan ini mengukuhkan proses membuat keputusan, saluran komunikasi dan kesediaan operasi merentasi semua peringkat di PIDM. Ia juga membolehkan kami mengenal pasti jurang, menambah baik penyelarasan dan mengukuhkan strategi tindak balas kami dalam keadaan yang realistik. Melangkah ke hadapan, PIDM merancang memperluas latihan simulasi ini untuk merangkumi institusi ahli, bagi memastikan penyelarasan dan kesediaan yang lebih baik dalam industri.

Selain usaha di peringkat dalaman, PIDM bekerjasama dengan pihak berkuasa lain dalam dan luar negara untuk meningkatkan kerjasama dan penyelarasan dalam resolusi dan pengurusan krisis.

Di Malaysia, PIDM bekerjasama rapat dengan peserta jaring keselamatan kewangan yang lain, iaitu BNM dan Kementerian Kewangan untuk membangunkan pengaturan antara agensi yang memastikan krisis diuruskan dengan efektif. Ini termasuk pembangunan *interagency binder* yang menggariskan perancangan penyelarasan PIDM-BNM dan menyediakan panduan jelas dan berstruktur bagi tindak balas krisis. Pengaturan ini sentiasa diperkukuh dan diuji melalui latihan simulasi bersama antara agensi, dengan memberi tumpuan kepada komunikasi, peranan dan tanggungjawab serta proses membuat keputusan antara agensi. Ini membolehkan kami mengenal pasti jurang dan menambah baik strategi tindak balas, sekali gus menyumbang kepada tindak balas yang padu dan tepat pada masanya ketika krisis.

Di peringkat antarabangsa, PIDM bekerjasama dengan pihak berkuasa resolusi luar negara untuk mewujudkan pengaturan yang memudahkan kerjasama dan koordinasi rentas sempadan dalam resolusi dan pengurusan krisis. Ini termasuk memeterai Memorandum Persefahaman bagi resolusi rentas sempadan dan menyertai kumpulan pengurusan krisis (*crisis management groups*) institusi ahli kami. Sehingga kini, PIDM telah mewujudkan dua kumpulan pengurusan krisis untuk bank ahli domestik kami, menyediakan platform untuk PIDM sebagai pihak berkuasa utama, bagi bekerjasama dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa asing dengan cara yang lebih berstruktur dan cekap mengenai perkara berkaitan resolusi ketika operasi biasa dan sebagai persediaan menghadapi krisis. PIDM juga menyertai latihan simulasi rentas sempadan serantau untuk meningkatkan kesediaan kami, mengukuhkan koordinasi dan menguji rangka kerja kami dalam senario yang realistik.

Memastikan Kesediaan dalam Landskap Kewangan yang Berubah-ubah

Menyedari landskap kewangan yang sentiasa berubah-ubah, PIDM tetap tangkas dalam menilai semula pendekatan terdahulu secara berterusan dan memperhalusi rangka kerja dan proses kami. Pada masa hadapan, PIDM akan memberi tumpuan untuk menguji proses kami secara berterusan bagi memastikan ia kekal relevan dan efektif. Dengan menilai dan memperhalusi polisi dan rangka kerja kami secara proaktif, PIDM sentiasa bersedia untuk menangani risiko baharu yang muncul dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan.

Pertumbuhan berterusan ekonomi Malaysia sepatutnya menyediakan persekitaran operasi yang menyokong institusi ahli kami pada masa depan. Bagaimanapun, peningkatan ketidakpastian ekoran ketegangan geopolitik yang berpanjangan dan potensi perubahan dalam dasar tarif perdagangan boleh meningkatkan turun naik pasaran ekonomi dan kewangan. Sekiranya risiko luar jangka ini berlaku, ia boleh menjejaskan keadaan operasi, termasuk risiko kredit yang tinggi daripada peminjam yang terjejas, serta prospek pertumbuhan perniagaan yang lemah bagi ahli penginsurans disebabkan oleh isu berkaitan kemampuan berikutan tekanan peningkatan tuntutan.

Walaupun berdepan risiko ini, institusi ahli kekal berdaya tahan dan berada di kedudukan baik untuk menyokong pengantaraan kewangan, disokong oleh asas yang kukuh dan penampakan modal dan kecairan yang mencukupi. Ujian tekanan kami melalui latihan simulasi menunjukkan bahawa institusi ahli mampu bertahan daripada kejutan makroekonomi, kredit, pasaran dan kecairan yang teruk. Inisiatif perancangan resolusi dan persediaan krisis yang berterusan akan mengukuhkan lagi kesediaan resolusi operasi, memastikan kesediaan terhadap potensi gangguan atau senario krisis.

Perancangan Resolusi Kukuh dan Persediaan Menghadapi Krisis Meningkatkan Daya Tahan Institusi Ahli

Institusi ahli kami kekal berdaya tahan menghadapi kejutan dan terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan walaupun dalam persekitaran operasi global yang tidak menentu.

Bank Ahli

Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	Nisbah Rizab Kerugian Pinjaman Dilindungi	Pulangan Aset Berwajaran Risiko	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	Nisbah Pendanaan Stabil Bersih	Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
0.9%	127.2%	2.80%	154.5%	115.6%	14.3%
(2024: 0.9%)	(2024: 129.5%)	(2024: 2.64%)	(2024: 160.1%)	(2024: 116.1%)	(2024: 15.0%)

- Meskipun persekitaran operasi sangat tidak menentu, aktiviti pemberian pinjaman bank ahli kekal kukuh
- Pendapatan meningkat, disokong oleh pendapatan faedah serta pendapatan dagangan dan pelaburan
- Kualiti aset kekal teguh, hasil pengurusan risiko yang proaktif dan peruntukan secara berhemat
- Risiko pasaran terkawal, walaupun dalam tempoh kemuncak ketidaktentuan pasaran kewangan
- Meskipun penunjuk kecairan menyederhana sedikit, pendanaan kekal kukuh. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih konsisten berada di atas paras 100%
- Penampakan modal yang kukuh terus menyokong kapasiti penyerapan kerugian bank ahli

Sumber: PIDM, BNM

Ahli Penginsurans

Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Pertumbuhan Premium Bersih	Pertumbuhan Pembayaran Tuntutan Bersih*	Pertumbuhan Jumlah Aset	Nisbah Kecukupan Modal
1.7%	5.8%	5.6%	213.9%
(2024: 7.8%)	(2024: 10.5%)	(2024: 8.7%)	(2024: 218.5%)

Insurans Am dan Takaful Am

Pertumbuhan Premium Kasar	Pertumbuhan Tuntutan Bersih Dibayar	Pertumbuhan Jumlah Aset	Nisbah Kecukupan Modal
6.3%	10.8%	4.8%	248.1%
(2024: 7.1%)	(2024: 9.6%)	(2024: 5.5%)	(2024: 247.1%)

- Keuntungan keseluruhan kekal disokong, ditunjangi oleh pendapatan pelaburan yang mampan
- Premium bersih Insurans Hayat dan Takaful Keluarga berada pada kadar yang lebih sederhana akibat pertumbuhan produk berkaitan pelaburan yang semakin memperlahan
- Insurans Am dan Takaful Am mencatat pertumbuhan premium yang menyederhana, seiring dengan pertumbuhan jualan kereta yang lebih perlahan
- Jumlah aset berkembang pada kadar sederhana, walaupun berdepan volatiliti pasaran kewangan yang meningkat
- Namun, kedudukan modal kekal kukuh, sekali gus memberikan keupayaan menyerap kejutan yang berpotensi berlaku

Sumber: PIDM, BNM

*Pembayaran tuntutan bersih merujuk kepada tuntutan faedah kematian, perubatan dan kehilangan upaya.